

JITRA, 12 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pihak yang tertentu agar tidak menggunakan agama Islam untuk kepentingan politik mereka.

Katanya, perbuatan itu bukan caranya untuk berpolitik kerana ia akan memecahkan-belahkan masyarakat Islam.

"Perpecahan masyarakat bukannya kerana agama Islam sebaliknya disebabkan orang yang hendakkan sesuatu bagi diri mereka yang menggunakan agama Islam semata-mata untuk menyakinkan orang Melayu sehingga sukar untuk mereka menolak sesuatu atas nama Islam," katanya pada majlis berbuka puasa di masjid Ahidin, Sungni Laka, Changlun dekat sini malam ini.

Katanya, sesetengah mereka cukup pandai mengeluarkan hadis dan firman dalam bahasa Arab dalam usaha mempengaruhi masyarakat dan sanggup menyebut sesuatu itu atas nama Islam walaupun sebenarnya ia bukan kehendak agama.

"Kalau kita hendak cakap tentang Islam jangan mengaitkannya dengan kepentingan diri kerana itu bukan caranya sebaliknya ia boleh memecah-belahkan kita" katanya. -- Lagi

♥12/03/23-30MST

CNS6492

R GB 12-03 00148, BH604

BAH

Mahathir - Agama 2 Jitra

.. I,

Apabila dikaitkan dengan kepentingan diri, agama akan diketepikan kerana apabila hukum-hukum agama tidak secukup dengan mereka, mereka tidak dapat menerima pegangan agama.

"Misalnya, apabila agama mengatakan bahawa tidak ada manusia tidak tertakluk dengan hukum Islam atau tidak ada kekebalan bagi seseorang, golongan itu sanggup mempertahankan imuniti orang tertentu semata-mata untuk kepentingan politik mereka," katanya.

Hal ini yang menjadi masalah kerana mereka mencampur adukkan agama dengan politik diri sendiri, katanya.

Beliau meminta masyarakat supaya sentiasa berwaspada dengan golongan itu yang mendakwa kononnya mereka berjuang untuk agama sedangkan orang lain tidak.

Katanya, kerajaan juga berjuang membangunkan negara seperti yang dikehendaki oleh Islam dan berjaya melakukannya sehingga Malaysia terkenal sebagai sebuah negara Islam yang berjaya walaupun hanya 56 peratus daripada penduduknya beragama Islam. -- Lagi

♥12/03/23-32MST

CNS6493

R GB 12-03 00125 BH605

BAH

Mahathir - Agama 3 (akhir) Jitra

Katanya, masyarakat di negara ini dapat hidup dalam suasana aman berbanding dengan penduduk Islam di negara lain yang sering ditindas akibat sikap tamak di kalangan mereka.

Dr Mahathir berkata, masyarakat bernasib baik kerana walaupun ada pihak yang hendak memecahkan-belahkan mereka tetapi golongan itu tidak mendapat tempat di kalangan masyarakat.

Beliau juga mengingatkan masyarakat supaya sentiasa insaf dan bersyukur dengan nikmat kehidupan yang dirasai berbanding dengan masyarakat negara lain yang hidup menderita akibat peperangan sesama sendiri,

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamds Ali, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff dan Menteri Besar Perlis, Dr Abdul Hamid Pawanteh. -- Bernama